



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

MASYARAKAT DISERU BERSAMA-SAMA MENANGANI KEGANASAN TERHADAP WANITA

AMPANG, 25 November – YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah merasmikan sambutan **Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita dan Majlis Aspirasi Skwad Waja 2021** bersempena tarikh **25 November** yang merupakan sambutan **Hari Antarabangsa Menangani Keganasan Terhadap Wanita**. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah melaksanakan usaha berterusan dalam menyediakan perkhidmatan advokasi bagi memupuk kesedaran yang tinggi dalam kalangan masyarakat berkaitan isu keganasan dan jenayah terhadap wanita melalui inisiatif *We Eliminate Violence Against Women (WeVAW)*.

Sambutan pada hari ini merupakan kemuncak kepada pelaksanaan kempen-kempen bagi meningkatkan kesedaran secara menyeluruh dalam menghentikan sebarang bentuk keganasan terhadap wanita. Pihak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah menetapkan **“Orange The World: End The Violence Against Women Now”** sebagai tema sambutan pada tahun ini.

YB Datuk Seri Rina dalam ucapannya mengharapkan usaha menangani keganasan terhadap wanita digalas bersama-sama pihak Kerajaan dan komuniti. Ianya juga merupakan amanah dan tanggungjawab yang perlu digalas oleh seluruh masyarakat.

KPWKM melalui JPW telah mewujudkan Sukarelawan Skwad WAJA (Wanita Anti Jenayah) bermula tahun 2021 bagi **meningkatkan kesedaran seluruh masyarakat untuk mengambil tindakan menghentikan keganasan terhadap wanita melalui program-program sokongan psikososial dan aktiviti-aktiviti bimbingan di peringkat komuniti.**

Sehingga 24 November 2021, seramai 100,202 ahli Skwad Waja yang terdiri daripada 93,295 wanita dan 6,907 lelaki telah berjaya dilatih di seluruh Malaysia sejak Januari 2021.

Majlis Aspirasi Skwad Waja 2021 yang turut dilaksanakan pada hari ini adalah khusus untuk mengiktiraf peranan Sukarelawan Skwad WAJA dan rakan-rakan strategik dalam kalangan Pertubuhan Bukan kerajaan (NGO) yang telah sama-sama menjayakan inisiatif ini. KPWKM menyeru lebih ramai ahli masyarakat menyertai Skwad Waja agar kesedaran berkaitan jenayah dan keganasan terhadap wanita di peringkat komuniti dapat ditingkatkan dengan lebih berkesan. Hentikan sebarang bentuk keganasan terhadap wanita sekarang adalah tanggungjawab semua.

###

Disediakan oleh : **Unit Komunikasi Korporat**
Jabatan Pembangunan Wanita
No. 55, Persiaran Perdana
Presint 4, PUTRAJAYA

No.Telefon : 03-8323 1884

Tarikh dikeluarkan : 25 November 2021